

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)65

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN KOMTAR
YB TEH LAI HENG**

65. Apakah status perkembangan terkini pembinaan terowong dasar laut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

65. Status terkini Projek Terowong Dasar Laut ialah selesai Kajian Kebolehlaksanaan (FS) pada April 2023. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih dalam penelitian untuk mengambil kira pembesaran pelabuhan NBCT yang melibatkan jajaran projek tersebut memandangkan ianya melibatkan kepentingan ramai pihak khususnya pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP).

Perkara ini adalah kerana terdapat pertindihan jajaran terowong dengan cadangan pembesaran NBCT secara berfasa oleh pihak SPPP dan kajian Pelan Induk Pembesaran NBCT tersebut memerlukan pertimbangan Kerajaan Negeri selanjutnya bagi perancangan seterusnya.